

16/09/1997

Jerebu: Orang ramai usah panik

PERMINTAAN supaya kerajaan mengisytiharkan darurat berikutan keadaan jerebu yang kian buruk di negara ini mula disuarakan oleh beberapa pihak. Kesatuan Guru Sarawak (STU) umpamanya menyarankan agar langkah itu dilakukan jika keadaan bertambah buruk. Kita faham kebimbangan pihak berkenaan dalam menghadapi keadaan ini, terutamanya kesan kepada kesihatan yang boleh dibawa oleh jerebu. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam menjelaskan bahawa kerajaan akan hanya berbuat demikian apabila keadaan mencapai tahap kritikal. Meskipun sudah banyak kawasan yang diselubungi jerebu tebal, namun setakat ini bacaan Indeks Pencemar Udara (API) menunjukkan belum ada kawasan yang mencapai tahap benar-benar kritikal. Kita akui ramai rakyat agak panik dengan keadaan yang berlaku hari ini. Ini mungkin disebabkan keadaan buruk seperti itu kali pertama dirasakan. Walaupun kita pernah menghadapi keadaan berjerebu sebelum ini, kandungan jerebu yang agak tinggi dan tempohnya yang agak panjang, menyebabkan kita mulai gementar. Kita juga bertanya-tanya apakah yang dilakukan oleh pihak berkuasa bagi menangani masalah itu. Buat masa ini agak sukar mencari jawapannya kerana kita belum benar-benar bertindak secara menyeluruh mengatasi masalah ini. Meskipun pihak berkuasa menggariskan beberapa peraturan bertindak membabitkan semua rakyat, ia masih belum dilaksanakan secara serius.

Di beberapa kawasan, bacaan API menunjukkan tahap jerebu melepasi angka 201 dan kini menghampiri angka 300 yang menunjukkan keadaan sekarang sangat tidak menyenangkan. Darurat mungkin diumumkan apabila bacaan API meningkat ke paras 301 hingga 500. Kita berharap masalah akan selesai sebelum paras jerebu meningkat ke tahap berkenaan. Pada kita darurat bukanlah semata-mata mengumumkan penguatkuasaan dengan meminta orang ramai mengurung diri di dalam rumah. Darurat bermakna memerlukan satu operasi besar-besaran. Darurat juga bermakna tindakan kecemasan boleh diambil pada bila-bila masa. Satu rancangan kontingensi perlu dirumus bagi menghadapi keadaan itu. Kita percaya sebelum darurat diisytiharkan, pihak berkuasa lebih awal bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan. Ini termasuk operasi memindahkan penduduk dari kawasan yang terlalu teruk dilanda jerebu ke tempat yang lebih selamat. Tugas ini juga bukannya mudah kerana ia membabitkan ramai orang dan banyak tempat. Darurat akan menjadi tidak bermakna jika sekadar meminta orang ramai jangan keluar rumah. Bagaimana dengan penduduk di kawasan yang tahap API begitu tinggi. Bagi penduduk seperti ini, berkurung di dalam rumah tidak memberi sebarang makna kerana mereka bertarung dengan udara. Untuk mengelakkan mereka menyedut udara tercemar, mereka perlu dipindahkan ke tempat yang lebih selamat. Pihak berkuasa tidak boleh memindahkan semua orang. Perpindahan terpaksa dilakukan sendiri oleh penduduk di kawasan terbabit. Mereka perlu mencari kawasan yang lebih selamat untuk diri dan keluarga masing-masing. Namun, buat masa ini mereka tidak perlu berbuat demikian kerana pihak berkuasa masih menilai keseluruhan keadaan ini. Sebarang tindakan perlu dilakukan selepas mendapat arahan. Kita jangan menimbulkan suasana kecoh hingga boleh menyebabkan ramai orang hilang pedoman.

Seboleh mungkin kita tidak mahu negara ini diisytiharkan darurat alam sekitar. Kita mahu negara kita terus dilindungi. Sebelum kita sampai ke tahap itu, kita yakin kerajaan akan melakukan apa saja agar negara kita terhindar daripada keadaan yang terlalu buruk. Sementara menunggu musim hujan berterusan yang akan menyerap segala ampai yang terapung, kita

percaya kerajaan akan menggunakan kemampuan teknologi untuk meredakan ketegangan.

Apa yang kita harapkan keadaan jerebu ini pulih seperti biasa. Walaupun umumnya kita melihat bacaan API menunjukkan keadaan bertambah buruk di beberapa tempat, kita yakin keadaan akan berubah. Kita mahu terus menjalankan tugas harian tanpa gangguan. Jika diarah berkurung, ramai antara kita kekurangan pendapatan. Operasi kilang tidak dapat digerakkan dan aktiviti ekonomi akan menjadi lembap. Namun, ini tidak bermakna kerajaan perlu berasa was-was untuk mengisytihar darurat jika keadaan benar-benar memaksa. Keselamatan rakyat perlu diutamakan daripada harta benda. Pada kita apa yang penting ialah mematuhi setiap arahan. Jika kita tidak perlu bersiar-siar di tempat terbuka, ia patutlah dielakkan. Di sekolah, pihak pentadbir boleh mengeluarkan arahan supaya segala kegiatan di luar bilik darjah dibekukan. Di pejabat, ketua-ketua jabatan boleh mengeluarkan arahan supaya kakitangannya menjalankan tugas di dalam pejabat dan jika terpaksa, mengurangkan kerja luar.

(END)